



DAING NASIR IBRAHIM (dua dari kiri) mengetuai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat UMP di UMP Gambang, Kuantan, kelmarin. - UTUSAN/AMEER FERDAUS AB. AZIZ

36 kontinjen sertai perarakan Maulidur Rasul di UMP

UTUSAN MALAYSIA
16/12/16 m/s 30
(TIMUR)

KUANTAN 15 Dis. - Lebih 1,000 warga **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat universiti itu di kampus Gambang, di sini semalam.

Perarakan melibatkan sebanyak 36 kontinjen mewakili pelbagai jabatan dan fakulti itu bermula dari Masjid UMP yang bergerak 1.2 kilometer menuju ke Kompleks Sukan institusi pengajian berkenaan.

Naib Canselor UMP, Prof. **Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim** berkata, sambutan yang diadakan saban tahun tersebut bagi menghayati perjuangan, mencontohi ketabahan dan kesungguhan junjangan besar Nabi Muhammad SAW serta para sahabat baginda dalam menegakkan syiar Islam.

“Perjuangan dan dakwah tersebut boleh diambil iktibarannya daripada pelbagai aspek yang

sentiasa menjadi pedoman dan panduan berguna untuk umat Islam menguruskan kehidupan serta pekerjaan seharian,” katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Yang hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Kualiti) universiti berkenaan, Prof. Datuk Dr. Ishak Ismail.

Menurut Daing Nasir, sangat penting untuk terus menghayati legasi agung yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW. sebagai prinsip pemandu utama dalam kehidupan peribadi dan berorganisasi supaya sentiasa berada pada landasan kebenaran serta keberkatan.

Sementara itu, seorang peserta perarakan, **Farida Isma Safie,**

20, berkata, dia sangat gembira kerana terlibat dalam perarakan tersebut bagi menunjukkan kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW di samping mengeratkan silaturrahim.

“Penyertaan dalam perarakan ini juga sebagai pembakar semangat untuk memotivasikan diri,” katanya yang merupakan penuntut semester tiga jurusan Ijazah Kejuruteraan Awam.

Soerang lagi peserta, **Siti Masyithah Zainol,** 20, pula berkata, sambutan Maulidur Rasul yang diadakan itu menunjukkan komitmen orang ramai untuk menjunjung kesepaduan dan kesatuan umat Islam bagi mempertahankan agama suci berkenaan.

“Gembira kerana dapat berselawat beramai-ramai ke atas junjangan besar Nabi Muhammad SAW dan banyak pengajaran yang diperoleh,” katanya.